

Urodinamik

Panduan untuk Wanita

1. Apakah itu urodinamik?
2. Kenapa perlu menjalani urodinamik?
3. Adakah alternative lain selain ujian urodinamik?
4. Apakah persediaan yang perlu saya lakukan sebelum menjalani urodinamik?
5. Apa boleh berlaku semasa urodinamik?
6. Adakah ianya berisiko?
7. Apa yang patut saya jangkakan selepas urodinamik?

Apakah itu urodinamik?

Urodinamik ialah nama yang di berikan untuk beberapa ujian yang di lakukan khas bagi menguji fungsi pundi kencing anda. Ujian utama ialah sistometri, ianya untuk mengukur kebolehan pundi kencing anda menyimpan dan menggosongkan air kencing.

Mengapa perlu menjalani urodinamik?

Masalah pembuangan air kecil, terutama inkontinen, boleh dihidapi oleh wanita pada setiap peringkat umur. Masalah seperti ini biasanya meningkat dengan peningkatan umur, kehamilan, kelahiran dan menapos.

Gejala anda mungkin:

- Terkencing ketika batuk, bersin, ketawa atau senaman
- Keinginan mendadak dan/ atau acap kali membuang air kecil
- Kerap bangun dari tidur untuk membuang air kecil pada waktu malam
- Kesukaran untuk mengosongkan pundi kencing anda
- Jangkitan pundi kencing yang berulang


Keputusan ujian urodinamik membolehkan doktor

anda memaparkan penyebab kepada gejala yang anda alami, dan juga mensyorkan rawatan terbaik untuk masalah anda.

Adakah kaedah lain selain urodinamik?

Tak semua orang yang mengalami gejala- pundi kencing perlu menjalani urodinamik. Jika rawatan konservatif seperti menukar tabiat pengambilan air, senaman dan/atau ubatan gagal, maka ujian urodinamik adalah cara terbaik untuk mengukur fungsi pundi kencing anda, dan apakah rawatan yang bersesuaian untuk masalah anda.

Rajah 1. Sistem Saluran Kencing



Adakah ia berisiko?

Walau pun ujian di lakukan dengan berhati-hati jangkitan kencing kadang-kala boleh juga berlaku selepasnya.

Anda dinasihatkan minum air lebih dari kebiasaan selama satu atau dua hari bagi mencuci keluar segala kuman bakteria. Anda mungkin dinasihatkan mengambil antibiotik untuk satu jangka masa pendek selepas ujian untuk mencegah jangkitan.

Adakah apa-apa persiapan yang di perlukan?

Anda biasanya akan diminta datang dengan pundi kencing yang penuh tetapi selesai, jadi jika perlu, jangan buang air kecil beberapa jam sebelum temu janji anda.

Prosedur akan mengambil masa lebih kurang 30 minit

dan anda tidak perlu sebarang diet atau berpuasa. Ubat bius tidak di perlukan. Pada hari ujian, pakailah pakaian yang berasingan seperti kain atau seluar dan baju kerana anda perlu menanggalkan pakaian bawah anda dan memakai gaun.

Rajah 2. Ujian urodinamik



Apa yang mungkin berlaku selepas ujian?

Membuang air kecil mungkin sedikit ngilu selama sehari selepas ujian, tetapi jika anda fikir yang anda telah mengalami jangkitan kencing sila maklumkan kepada doktor anda.

Keputusan ujian biasanya diperolehi terus dan akan dibincang dengan anda, supaya rawatan dapat dirancang.

Bagaimana ujian di lakukan?

Terdapat sedikit kelainan mengenai cara ujian urodinamik boleh di lakukan, tetapi perinsipnya adalah sama untuk semua.

Terlebih dahulu anda akan di minta melakukan beberapa senaman dengan keadaan pundi kencing yang penuh bagi menentukan keterukan kebocoran kencing anda. Ini di panggil ujian 'pad'. Jangan bimbang anda tidak akan disuruh melakukan perkara yang pada kebiasaannya anda tidak dapat melakukannya dengan mudah.

Anda kemudiannya dikehendaki membuang air kecil menggunakan tandas khas bagi mengukur kepantasan dan keupayaan pengosongan pundi kencing anda.

'Scan' pundi kencing mungkin dilakukan sebaik sahaja anda mengosongkan pundi kencing bagi menganggar keupayaan pundi kencing anda mengosongkan air kencing.

Seterusnya satu tiub plastik kecil yang di panggil kateter akan di masukkan ke dalam pundi kencing anda bertujuan untuk pengisian air. Dua kateter lembut (sensor) akan dimasukkan, satu ke dalam pundi kencing dan satu lagi ke dalam faraj atau dubur. Dua kateter ini di guna untuk mencatat tekanan dalam pundi kencing dan rongga abdomen anda. (Rajah 2)

Semasa ujian di lakukan, anda akan di tanya beberapa soalan berkaitan sensasi pundi kencing anda. Anda juga akan di arahkan untuk melakukan beberapa perkara yang mungkin akan merangsang masalah yang anda hidapi (contohnya batuk, meneran, berlari, berdiri atau mendengar bunyi air mengalir). Maklumkan kepada kakitangan yang melakukan ujian apabila anda berasa yang pundi kencing anda telah penuh.

Akhir sekali anda di kehendaki mengosongkan semula pundi kencing, dengan dua sensor kecil masih di tempatnya. Sensor kemudiannya di dikeluarkan di akhir ujian, dan anda boleh mengenakan semula pakaian.



IUGA 
international urogynecological association

Maklumat yang terkandung dalam risalah ini bertujuan untuk pendidikan sahaja. Ia tidak untuk tujuan membuat diagnosis atau rawatan bagi apa-apa keadaan penyakit, yang hanya boleh di lakukan oleh doktor berkelayakan atau lain-lain pengamal perubatan sahaja.

Diterjemahkan oleh:

Zalina Nusee M.D., Hamizah Ismail M.D., Dan Rohani Effandi M.D.

©2011